

12/04/2000

Cuepacs minta JPA adakan perbincangan

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu kerajaan berbincang terlebih dulu dengan kesatuan sebelum melaksanakan kaedah peperiksaan atau temu duga bagi kenaikan pangkat dan gaji kakitangan awam melalui Sistem Saraan Baru (SSB).

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata perbincangan itu penting sebelum melaksanakan kaedah baru itu bagi memberi manafaat kepada kakitangan awam.

"Kita mengalu-alukan cadangan itu yang dikira dapat mengelak pilih kasih ketika menilai kenaikan pangkat atau gaji kakitangan awam. Selain itu ia dapat memberi peluang kepada mereka meningkatkan mutu kerja.

"Kami akan mendapat penjelasan lanjut daripada JPA mengenai cadangan mewujudkan semula sistem peperiksaan dan temu duga bagi proses kenaikan pangkat dan kenaikan gaji ini," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai cadangan mengadakan peperiksaan atau temu duga sebagai tambahan sistem sedia ada bagi mengelak berlaku pilih kasih dalam kenaikan pangkat atau gaji kakitangan awam.

Semalam, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata kerajaan banyak menerima pandangan dan cadangan serta masih mengkaji kaedah terbaik mengenai SSB berikutan rungutan pelbagai pihak.

Abdul Rahman berkata, kerajaan perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelarasan gaji bagi membincangkan pengubahsuaian terhadap Jadual Gaji Matriks dan SSB.

Jawatankuasa Penyelarasan Semakan Gaji Anggota Sektor Awam yang dicadangkan itu boleh diwakili Cuepacs, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbendaharaan.

"Cadangan terhadap pengubahsuaian itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Anggota Sektor Awam yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cuepacs menghantar dua memorandum mengenai pelaksanaan Jadual Gaji Matriks dalam SSB pada 1996 dan awal tahun ini," katanya.

Beliau juga berkata, laporan menyebut bahawa kenaikan gaji 10 peratus dan imbuhan tetap perumahan (ITP) bagi kakitangan awam akan berkuat kuasa Mei ini, agak mengelirukan.

"Ini kerana menurut Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ketika pembentangan belanjawan, kenaikan itu bermula 1 Jan 2000.

"Mengikut fahaman Cuepacs, hanya pembayaran boleh dibuat mulai bulan Mei 2000 selepas Belanjawan 2000 diluluskan oleh Parlimen, Dewan Negara dan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong," katanya.

(END)